

# KDN sedia hadapi gelombang kedua

**KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

**ALOR SETAR** - Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussien menegaskan semua agensi keselamatan di bawah kementeriannya sudah bersiap sedia sehingga hujung tahun bagi menghadapi kemungkinan berlaku gelombang kedua banjir terutama di Kedah, Perlis dan Kelantan.

Beliau berkata, buat masa ini, semua anggota di bawah Ikatan Relawan Rakyat (Rela), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), polis dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) kini dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang bencana walaupun keadaan banjir di ketiga-tiga negeri terbabit beransur pulih.

Menurutnya, pihaknya turut mengarahkan agensi terbabit mengadakan operasi bergotong-royong membersihkan kawasan



● Hishammuddin (dua, kiri) dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Kedah, Datuk Latt Shariman Abdullah (kiri) melawat mangsa banjir di SMK Alor Janggu, semalam.

banjir terutamanya sekolah dan tempat ibadat di ketiga-tiga negeri terbabit.

"Tanggungjawab kementerian melalui agensi-agensinya tidak akan terhenti di sini. Selepas ini

kami akan menguruskan bantuan pemulihan kepada mangsa-mangsa banjir seperti membantu mengadakan kerja gotong-royong.

"Sekiranya perlu, kita akan bergerak ke seluruh negara memandangkan kejadian bencana seperti itu boleh berlaku kepada sesiapa dan di mana-mana," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke pusat penempatan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Haji Abdullah Saadon, Kuala Kedah semalam.

Hishammuddin berkata, seramai lebih 1,000 anggota polis, 1,400 JPAM, dan 1.2 juta ahli Rela telah dikerahkan dalam gerakan membantu mangsa banjir di Kedah, Perlis dan Kelantan.

Menurutnya, beliau turut kagum dengan semangat anak-anak muda yang terlibat dengan khidmat masyarakat dan ianya membuktikan kesedaran golongan beliau untuk membantu mangsa

banjir tinggi dan amat bermakna. "Saya kagum kerana anak-anak muda kita sanggup menyertai gerakan sukarela yang saya rasa unik kerana tak sia-sia JPAM didaftarkan sekiranya ianya mengembirakan semangat mereka.

"KDN bakal memutuskan untuk menanda aras JPAM ke tahap antarabangsa dan saya merasakan hasrat itu mampu dicapai memandangkan rakyat Malaysia mampu mengetepikan sentimen politik, perkauman dan perbezaan agama untuk menggembeng tenaga membantu mangsa bencana banjir," katanya.

Pada masa sama, Persatuan Pengusaha Restoran India Muslim Malaysia (Presma) turut mengiringi Hishammuddin memberi sumbangan makanan, barang keperluan dan air mineral berjumlah RM200,000 kepada seluruh pusat penempatan mangsa banjir di negeri ini.

## Pahang siap siaga

**KUANTAN** - Semua Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Pahang diarah membuat senarai nama mereka yang berpindah dan yang tidak berpindah ketika berlakunya musim banjir nanti.

Pengerusi Pengurusan Bencana Alam Pahang, Datuk Seri Safian Ismail berkata, perkara itu dilihat penting bagi urusan pengagihan bantuan kepada mangsa terbabit.

"Akibat pendaftaran yang tidak tersusun (pada tahun lepas), ada mangsa banjir yang menerima bantuan sebanyak dua kali dan sebanyak dua peratus mangsa banjir pula dikesan telah tercicir daripada menerima bantuan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan sebuah bot dan jentera bomba dan penyelamat kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang di sini, semalam.

Beliau berkata, Pahang secara umumnya sudah bersiap sedia untuk menghadapi musim banjir yang dijangka Disember ini.

"Kita berharap menerusi senarai berkenaan, pengagihan bantuan dan sumbangan banjir akan lebih efisien," katanya.

Pada majlis berkenaan, stesen televisyen swasta, TV3 turut menyumbangkan dua buah bot kepada jabatan berkenaan untuk digunakan pada musim tengkujuh kelak. - Bernama

## Banjir di Kedah semakin pulih, hanya tiga jalan diliputi air

**ALOR SETAR** - Keadaan banjir di Kedah semakin pulih apabila jumlah mangsa yang dipindahkan terus berkurangan petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara berkata, jumlah keseluruhan mangsa yang masih berada di pusat-pusat pemindahan banjir berkurangan kepada 16,915 orang daripada 4,194 keluarga berbanding 22,825 orang daripada 5,761

keluarga pada sebelah pagi.

Di daerah Kota Setar, jumlah mangsa yang masih berada di pusat pemindahan adalah 11,496 orang daripada 2,760 keluarga manakala di Kubang Pasu, seramai 5,419 orang daripada 1,434 keluarga masih belum dibenarkan pulang sehingga petang semalam.

Sebanyak 41 pusat pemindahan masih dibuka dengan 29 di Kota Setar dan 12 di

Kubang Pasu.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Jabatan Pelajaran Kedah berkata, terdapat 27 sekolah masih ditutup iaitu 22 di Kota Setar manakala lima lagi di Kubang Pasu.

Sementara itu, hanya tiga jalan yang masih diliputi air iaitu Jalan Titi Besi-Kampung Pasir, Jalan Gunung Keriang-Sungai Korok dan Jalan Kuala Sungai-Sungai Baru. - Bernama

## Sukarelawan KBS bantu bersihkan rumah mangsa banjir

**KUALA NERANG** - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengumpulkan kira-kira 700 sukarelawan belia dari seluruh negara bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kedah dan Perlis.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim berkata, sukarelawan itu terdiri daripada Sukarelawan Rakan Muda, Rela dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang sememangnya telah lama dilatih untuk menjalankan kerja-kerja bantuan bencana terutama banjir.

"Cuma kita tidak pernah gunakan khidmat pasukan ini. Banjir kali ini kali pertama kami gunakan khidmat mereka. Dalam keadaan banjir sekarang, KBS beri bantuan dari segi tenaga," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bot sumbangan KBS kepada Majlis Belia Daerah Padang Terap di Dewan Kuala Pai, di sini, semalam.

Katanya, daripada jumlah itu,



● Razali (tiga, kanan) menyampaikan bantuan sebuah bot kepada Mahdzir (dua, kiri) di dewan orang ramai di Kuala Pai, semalam.

kebanyakan mereka adalah dari luar Kedah dan Perlis dan mereka melaporkan diri kepada agensi-agensi keselamatan di dua negeri itu.

"Tugas mereka khusus mem-

bersihkan tempat-tempat awam selain membantu rumah-rumah orang yang tidak berkemampuan untuk membersihkan rumah. Mereka akan bekerja ikut giliran.

"Ketika banjir berlaku, pelbagai

bantuan tiba tetapi apabila banjir surut, semuanya pulang sedangkan mangsa memerlukan bantuan untuk membersihkan dan mengemas rumah mereka dan membina semula kehidupan," katanya.

Beliau yang juga Naib Ketua Pemuda UMNO berkata, Sukarelawan Pemuda Barisan Nasional (BN) juga turut menyertai kumpulan sukarelawan itu kerana tenaga golongan muda amat diperlukan ketika ini.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menghantar banyak bantuan dari segi bantuan sedangkan tenaga nak membantu tiada. Lebih ramai lagi tenaga sukarelawan akan kami hantar hujung minggu ini.

"Kami akan hantar pula unit perubatan Pemuda UMNO untuk menjalankan operasi. Ramai yang boleh membantu membersihkan rumah mangsa-mangsa yang telah pulang," katanya. - Bernama